

e-Site Inventory memudahkan tugas di tapak projek

DUA penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan aplikasi e-Site Inventory untuk memudahkan kerja pengumpulan data di tapak projek berbanding kaedah konvensional baru-baru ini.

Menggunakan teknologi telekomunikasi terkini, aplikasi itu mampu melakukan pelbagai fungsi seperti memuat turun pelan, mengambil imej atau gambar, menentukan kedudukan koordinat muka bumi, membuat lakaran serta menyimpan maklumat atau nota secara sistematik.

Ketua Penyelidik, Prof. Madya Dr. Mohd. Johari Mohd. Yusof berkata, inovasi itu berupaya menyelesaikan kerja rumit dalam pengumpulan data di tapak projek melibatkan bidang reka bentuk, seni bina, kejuruteraan dan penyelidikan.

Katanya, menerusi kaedah konvensional, kakitangan terlibat perlu membawa pelbagai peralatan seperti kamera, pelan, buku nota, alat peranti sistem kedudukan



MOHD. JOHARI menunjukkan pelbagai anugerah yang diterima aplikasi e-Site Inventory yang memainkan peranan melicinkan tugas-tugas di tapak projek.

global dan pita ukur ke tapak projek untuk mendapatkan data.

“Idea membangunkan aplikasi ini tercetus berdasarkan pengalaman saya sendiri di samping melihat kesukaran yang dihadapi pelajar yang terpaksa membawa pelbagai peralatan dan pelan setiap kali ke

tapak projek.

“Menerusi e-Site Inventory, semuanya boleh dilakukan menerusi telefon pintar atau tablet,” katanya yang juga merupakan Timbalan Dekan (Akademik, Antarabangsa dan Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina (FRSB), UPM.

Tambah Mohd. Johari, penyelidikan itu turut dibantu Dekan

FRSB, Prof. Madya Dr. Osman Mohd. Tahir dan pengaturcara komputer tempatan, Mohd. Fakhrurrazi Mahmood.

“Kami memulakan penyelidikan pada tahun 2014 dan setahun kemudian, inovasi ini berjaya mendapat hak cipta. Ia kini boleh dimuat naik oleh orang ramai menerusi platform Android,” ujarnya.

Menurutnya, e-Site Inventory merupakan satu-satunya aplikasi khusus untuk kerja pengumpulan atau inventori tapak projek yang berada di pasaran.

Aplikasi itu juga mampu menghantar maklumat yang dikumpul secara terus menerusi e-mel yang dibina dalam aplikasi berkenaan.

“Aplikasi ini banyak menerima pengiktirafan daripada pelbagai pertandingan inovasi yang diadakan seperti Anugerah Terbaik dan Pingat Emas pada Malaysia Technology Expo 2016 serta Anugerah Merit pada Malaysia Landscape Design Award 2015.

